



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

(23) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

2 Mac 2010

SIARAN MEDIA

PROJEK TERBENGKALAI CAHAYA KOTA PUTRI PLENTONG JOHOR

JOHOR BHARU 5 MAC 2010 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berjaya mengadakan usaha sama dengan Mahabuilders Sdn Bhd (Pemaju Penyelamat) bagi memulihkan projek terbengkalai Cahaya Kota Putri, Plentong Johor Bharu, kata Dato' Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Katanya, Projek terbengkalai Cahaya Kota Putri, Plentong Johor Bharu, telah dimajukan oleh Arah Cipta Sdn Bhd melibatkan pembinaan 7 fasa iaitu fasa 2C melibatkan sebanyak 56 unit rumah teres harga tinggi dengan 35 unit yang telah dijual, fasa 2D melibatkan 36 unit rumah teres harga tinggi dengan 31 unit telah dijual, fasa 2E melibatkan 46 unit rumah teres harga tinggi dengan 40

unit telah dijual, fasa 2G melibatkan 22 unit rumah teres harga tinggi dengan 21 unit telah dijual, fasa 2H melibatkan 31 unit rumah teres harga tinggi dengan 25 unit telah dijual, fasa 4D melibatkan 54 unit rumah berkembar harga tinggi dengan 25 unit telah dijual dan fasa 5 melibatkan 380 unit rumah teres harga tinggi dan 347 unit telah dijual.

Beliau berkata, pemajuan projek ini melibatkan pembangunan tanah seluas 400 ekar di Mukim Plentong, Johor Bharu dan keseluruhan projek bernilai RM 20 juta dan peratus kemajuan projek semasa terbengkalai adalah diantara 25%-80% mengikut fasa-fasa berkaitan.

Kata Kong, Projek ini telah diisytiharkan terbengkalai oleh KPKT pada 31 Disember 2005 manakala telah digulung oleh Mahkamah Tinggi Johor Bharu pada 13 April 2007.

Tambahnya, Pemaju penyelamat telah diluluskan lesen oleh KPKT pada 17 November 2009 dan telah pun memulakan pemuliharaan ini pada akhir Disember 2009 dan semua fasa bagi menyiapkan projek ini dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2010.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my atau Encik Saleki Amat Januri, Pegawai Perhubungan Awam di talian mudah alih 016-6297481/Encik Wan Zainal Shahrman di talian mudah alih 0196902862/ emelkan ke saleki62@kpkt.gov.my/zainal_shahrman@kpkt.gov.my